

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATUK DR. HASAN BIN BAHROM
[TAMPIN]**

TARIKH : 4 JULAI 2019 [KHAMIS]

SOALAN NO. 67

Minta **MENTERI HAL EHWAL EKONOMI** menyatakan apakah Kementerian mempunyai hasrat untuk meminda Akta Tanah; Kawasan Penempatan Berkelompok (Akta GSA 1960) bagi memastikan perumahan generasi kedua FELDA dapat dibina di atas tapak perumahan yang sedia ada.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, FELDA telah memperkenalkan skim Insentif Kelulusan Membina Lebih Satu Rumah Di Dalam Satu Tapak pada tahun 2017. Skim ini bertujuan untuk membantu anak-anak peneroka membina rumah di atas tapak perumahan sedia ada. Pembinaan rumah tersebut hanya memerlukan kelulusan daripada pihak berkuasa negeri. Oleh yang demikian, tiada keperluan untuk membuat sebarang pindaan kepada Akta Tanah (Kawasan Penempatan Berkelompok) 1960 (Akta GSA) sedia ada bagi tujuan tersebut.

Sekian, terima kasih.